

16 JUN 1999

Mahathir-JPM

PEJABAT PM JALAN DATO ONN TINGGAL BANYAK KENANGAN BUAT DR MAHATHIR

Oleh: Nasriah Haji Darus

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- "Banyak peristiwa yang tidak boleh saya lupakan di sini...banyak kenangan manis yang ditinggalkan..." kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pejabat Perdana Menteri di Bukit Perdana, Jalan Dato' Onn, yang akan ditinggalkannya Isnin ini untuk berpindah ke Putrajaya.

"Sedih juga...kerana saya mulapun di sinilah tempatnya, biliknya dan bertugas di sini dan boleh kata yang paling lama, 18 tahun," katanya kepada pemberita semasa ditemui selepas mempengerusikan mesyuarat jemaah menteri yang terakhir diadakan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini.

Setelah menjadi nadi pentadbiran kerajaan Malaysia selama hampir 42 tahun sejak Merdeka, JPM akan ditinggalkan dan hari ini tercatat sejarah sebagai tarikh akhir keputusan-keputusan kerajaan dibuat di sini oleh jemaah menteri.

Mulai Rabu depan, mesyuarat kabinet akan diadakan di pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang baru, serba moden dan indah di Putrajaya, 40km dari ibu negara.

Perdana Menteri berkata walaupun di pejabat ini banyak peristiwa yang tidak boleh dilupakannya, "kerana ada kenangan manis dan setengahnya tidak berapa manis", beliau menerima perubahan untuk ke tempat baru.

Dr Mahathir berkata di bangunan JPM inilah banyak keputusan-keputusan berkenaan dasar kerajaan yang dibuat.

Mengenai masa depan bangunan itu, beliau berkata rancangan untuk mengekalkan bilik mesyuarat umpamanya adalah suatu yang baik.

"Bangunan ini sendiri ada juga cadangan untuk dijadikan sebagai satu muzium kerana sejak zaman Tunku Abdul Rahman lagi, ia jadi pejabat Perdana Menteri, jadi banyak kaitannya dengan sejarah Malaysia Merdeka," katanya.

Bagaimanapun menurut Perdana Menteri cadangan itu hanya melibatkan bangunan utama JPM memandangkan kos menjadikan muzium bagi pejabat-pejabat kerajaan yang lain agak mahal dan bangunan lain akan dijual bagi membiayai perbelanjaan membina Putrajaya.

Selama hampir 42 tahun itu, kerajaan Malaysia tidak pernah meninggalkan Jalan Dato' Onn, kecuali secara sementara sebanyak dua kali - pada masa Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein membina semula bangunan pejabat JPM itu dan pada masa Perdana Menteri sekarang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membaiki kerosakan akibat kebakaran di situ pada 1982.

Pada kedua-dua masa itu, Perdana Menteri Malaysia beroperasi di pejabat sementara di bangunan Parlimen, sementara menunggu kerja-kerja membaik pulih siap.

Bagi mereka yang pernah berkhidmat di JPM sejak zaman awal selepas kemerdekaan, kompleks JPM di Jalan Dato' Onn adalah satu warisan negara yang tidak ternilai.

Dr Mahathir dipercayai telah mempengerusikan mesyuarat kabinet di JPM hampir 1,000 kali sejak memegang jawatan Perdana Menteri pada tahun 1981.

Katanya beliau akan memulakan tugasnya di Blok A, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya Isnin depan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika ditemui berkata mesyuarat kabinet hari ini berjalan seperti biasa dalam suasana musyawarah.

Semua menteri kabinet hadir pada mesyuarat hari ini kecuali Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapa dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie yang kedua-duanya berada di luar negara kerana

urusan rasmi.

Mesyuarat itu juga dirakamkan oleh Filem Negara sebagai bahan sejarah, selain Radio Televisyen Malaysia (RTM), Jabatan Penerangan dan Bernama TV.

Pegawai-pegawai JPM yang turut mengadakan mesyuarat kali terakhir di bangunan itu hari ini mengambil peluang bergambar di perkarangannya.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali yang turut ditemui menyatakan rasa sedihnya meninggalkan bangunan itu kerana "telah biasa dengannya" dan menurutnya ada cadangan untuk menjadikan bangunan JPM ini sebagai galeri dengan mengekalkan segala peralatan serta suasana yang sedia ada.

Beberapa orang menteri dilihat membawa kamera untuk merakamkan hari terakhir di sini termasuk Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud.

Dr Sulaiman yang merakamkan detik-detik bersejarah itu dengan perakam videonya berkata perasaannya berbaur - sedih kerana meninggalkan tempat ini dan dalam masa yang sama tidak sabar untuk "ke tempat baru".

Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri Tan Sri Abdul Aziz Ismail yang telah berkhidmat di JPM selama 20 tahun di bawah dua Perdana Menteri - Dr Mahathir dan Tun Hussein Onn - berkata bangunan itu turut meninggalkan pelbagai kenangan kepada ramai kakitangan JPM.

Menurutnya ramai kakitangan yang bertugas di sini sejak zaman Hussein lagi kerana ketika Dr Mahathir menggantikan Allahyarham, mereka dikekalkan untuk meneruskan tugas mereka.

Katanya bangunan itu merupakan warisan negara kerana di sini negara menerima pelbagai pelawat termasuk presiden dan perdana menteri dari serata dunia serta berbagai-bagai mesyuarat diadakan dan segala kegiatan yang berlaku dicatatkan.

Pegawai penyelaras perpindahan Kamaruddin Abdullah berkata operasi perpindahan ke Putrajaya telah dimulakan sejak minggu lepas dan dijangka selesai dalam masa tiga atau empat lagi.

Kamaruddin yang juga Pengurus Pentadbiran di JPM berkata operasi berjalan lancar dengan urusan pembungkusan, pengangkutan dan pembersihan dilakukan oleh sebuah syarikat kontraktor yang dilantik.

-- BERNAMA

NHD RON